

## **TERAPI DOH DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGENAL DAN MENULIS HURUF MURID TAHUN SATU SEKOLAH RENDAH DI PEDALAMAN**

Mohd Fadhil Ismail <sup>i</sup> & Zamri Mahamod <sup>ii</sup>

<sup>i</sup>Guru Bahasa. Sekolah Kebangsaan Nanga Nansang, D/A Pejabat Pendidikan Daerah Song, 96850 Song, Sarawak.  
mohdfadhil89@gmail.com

<sup>ii</sup>Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. d-zam@ukm.edu.my

### **Abstrak**

Kajian berbentuk kualitatif ini merupakan kajian tindakan yang bertujuan untuk melihat sejauh mana aktiviti terapi menggunakan doh dapat membantu dalam penguasaan mengenal dan menulis huruf dalam kalangan murid tahun satu. Kajian tindakan ini dijalankan terhadap empat orang murid tahun satu di Sekolah Kebangsaan Nanga Nansang, Song yang dijadikan sampel dalam kajian ini. Dalam kajian ini juga pengkaji menggunakan instrumen melalui pemerhatian dan temubual. Alat kajian terdiri daripada ujian diagnostik (awal dan akhir), analisis dokumen, nota lapangan dan senarai semak. Dapatkan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian peserta kajian selepas intervensi berdasarkan peningkatan keputusan ujian awal dan akhir selepas beberapa dua kali pusingan intervensi. Hasil pemerhatian pengkaji yang dicatat pada nota lapangan dan dirakam menggunakan rakaman video juga menunjukkan peserta kajian berminat dan melibatkan sepanjang intervensi dijalankan. Pengkaji juga merekod video sebagai bukti kepada penglibatan dan tindak balas peserta kajian sepanjang kajian dijalankan melalui pengajaran dan pembelajaran mengenal dan menulis huruf menggunakan doh. Selain itu, dapatkan kajian turut menunjukkan terdapat hubungan antara terapi membentuk huruf dengan menggunakan doh dengan penguasaan kemahiran mengenal menulis huruf di mana setelah mengenal huruf, murid secara tidak langsung dapat menulis huruf tersebut dengan baik.

Kata kunci: *kemahiran mengenal huruf, kemahiran menulis huruf, aktiviti terapi doh, murid tahun satu, pedalaman*

### **1.0 PENGENALAN**

Kajian yang dilaksanakan ini berkaitan dengan penggunaan terapi doh terhadap murid tahun satu di sebuah sekolah pedalaman terletak di Song Sarawak. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat adakah penggunaan terapi doh dapat membantu murid-murid tahun satu untuk meningkatkan kemahiran mengenal dan menulis huruf.

Kemahiran mengenal dan menulis huruf perlu dikuasai oleh kanak-kanak secara berperingkat-peringkat mengikut kesediaan dan keupayaan mereka. Sebelum mereka mula diajar menulis, ibu bapa dan guru perlu memastikan yang mereka sudah mempunyai kesediaan menulis.

Terapi bermain doh merupakan satu aktiviti yang menarik perhatian murid-murid kerana melalui terapi ini mereka dapat memahami sesuatu itu dengan lebih mendalam dan secara tidak langsung mengaktifkan daya imaginasi kanak-kanak untuk berfikir dengan lebih kreatif.

Sekolah pedalaman bermaksud sekolah yang terletak di kawasan luar bandar, terpencil dan mempunyai kesukaran aksesibiliti yang melibatkan pelbagai mod perjalanan, kos yang tinggi, masa yang panjang serta mempunyai kemudahan asas yang minimum atau tiada langsung. Sekolah ini juga meliputi sekolah di kawasan persisiran pantai, pulau, sungai dan pergunungan.

Berdasarkan pengalaman pengkaji, setelah mengajar di kelas tahun satu di Sekolah Kebangsaan Nanga Nansang, Song pada awal bulan Januari, pengkaji menghadapi masalah

sebanyak empat orang murid daripada enam orang keseluruhannya yang masih belum mengenal dan menyebut huruf dengan betul.

Secara khusus, objektif kajian adalah untuk:

1. meningkatkan kemahiran mengenal huruf dengan tepat melalui teknik bermain doh.
2. meningkatkan kemahiran menulis huruf dengan betul melalui teknik bermain doh.
3. meneroka minat murid dalam kemahiran mengenal dan menulis huruf

Secara khususnya, soalan-soalan kajian berikut digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan.

1. Sejauh manakah murid tahun satu menguasai kemahiran mengenal huruf dengan tepat melalui penggunaan terapi doh?
2. Sejauh manakah murid tahun satu menguasai kemahiran menulis huruf dengan betul melalui penggunaan terapi doh?
3. Adakah penggunaan terapi doh dapat menarik minat murid tahun satu untuk mempelajari mengenal dan menulis huruf ?

## **2.0 METODOLOGI**

### **2.1 Reka Bentuk Kajian Dan Instrumen Kajian**

Instrumen yang pengkaji gunakan dalam kajian tindakan adalah ujian, pemerhatian, senarai semak dan temu bual untuk menghasilkan data deskriptif agar gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses yang berlaku dalam kajian ini diperoleh. Ujian terbahagi kepada dua iaitu ujian pra dan ujian pos mengenal dan menyebut huruf.


Ujian awal diadakan sebelum intervensi dijalankan. Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana pencapaian dan kelemahan murid dalam menguasai kemahiran mengenal dan menulis huruf. Dalam ujian yang dijalankan, pengkaji meminta kanak-kanak tersebut menyebut huruf berdasarkan kad huruf yang ditunjukkan. Ujian akhir diberikan kepada subjek kajian setelah proses intervensi.

Pengkaji menggunakan pemerhatian tidak berstruktur untuk mengumpul data. Pemerhatian ini dilakukan ketika murid menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada subjek dapat menyebut huruf kecil dengan betul ataupun tidak. Segala pemerhatian direkodkan dengan menggunakan nota lapangan. Senarai semak digunakan untuk mengetahui jenis huruf yang belum dikenal oleh subjek dan dapat mengetahui jenis huruf kecil yang menimbulkan kekeliruan. Temu bual digunakan untuk meninjau persepsi subjek. Temu bual digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan data supaya dapat menjawab persoalan kajian penyelidikan ini.


## **3.0 DAPATAN KAJIAN**

### **3.1 Laporan Dapatan Kajian**

Melalui penggunaan doh, peserta kajian MN02 dan peserta kajian MN03 telah berjaya mengenal 26 huruf kecil manakala peserta kajian MN01 dan MN04 juga mengalami peningkatan dalam mengenal huruf dalam satu pusingan intervensi. Pusingan intervensi kedua telah dijalankan di mana pemerhatian, ujian pra dan ujian pos serta senarai semak digunakan sekali lagi sebagai instrumen untuk mendapatkan hasil kajian.




**Rajah 1.** Perbandingan Ujian Awal dan Ujian Akhir Mengenal Huruf Yang Ditunjukkan Bagi Intervensi Pusingan Pertama




**Rajah 2.** Perbandingan Ujian Awal dan Ujian Akhir Mengenal Huruf Yang Ditunjukkan Bagi Intervensi Pusingan Kedua

Melalui penggunaan doh, peserta kajian MN02 dan peserta kajian MN03 telah berjaya menulis 26 huruf dengan betul manakala peserta kajian MN01 dan MN04 juga mengalami peningkatan dalam menulis huruf dalam satu pusingan intervensi. Pusingan intervensi kedua telah dijalankan di mana pemerhatian, ujian pra dan ujian pos serta senarai semak digunakan sekali lagi sebagai instrumen untuk mendapatkan hasil kajian.




**Rajah 3.** Perbandingan Ujian Awal dan Ujian Akhir Menulis Huruf Yang Ditunjukkan Bagi Intervensi Pusingan Pertama



**Rajah 4.** Perbandingan Ujian Awal dan Ujian Akhir Menulis Huruf Yang Ditunjukkan Bagi Intervensi Pusingan Kedua

Pengkaji juga telah menganalisis kandungan bagi nota lapangan bagi setiap sesi pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan. Rajah 5 menunjukkan analisis kandungan nota lapangan berdasarkan permerhatian yang telah dilakukan. Pengkaji melabelkan perkara penting bagi memudahkan menjawab soalan kajian.



**Rajah 5.** Sedutan Nota Lapangan Berdasarkan Pemerhatian

Berdasarkan kajian dijalankan dan bukti yang telah diambil, ternyata terapi doh amat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf peserta kajian. Peningkatan demi peningkatan telah dicapai oleh peserta kajian dalam kemahiran menulis huruf malah dalam menulis suka kata. Pengkaji telah berjaya membantu peserta kajian yang terdiri daripada murid yang lemah dalam penulisan keluar dalam masalah pembelajaran yang telah dihadapi selama ini.

**Jadual 1. Analisis Temu Bual dengan Peserta Kajian**

**Soalan 1: Adakah anda seronok bermain menggunakan doh?**

Peserta	Respon Peserta
MN01	“Seronok cikgu”.
MN02	“Seronok”.
MN03	“Seronok. Boleh buat macam-macam cikgu”.
MN04	“Seronok cikgu”.

**Jadual 2. Analisis Temu Bual dengan Peserta Kajian**

**Soalan 2: Jika diberi peluang, mahukah anda memiliki sendiri doh ini?**

Peserta	Respon Peserta
MN01	“Mahu, Boleh bawa balik kah cikgu?”.
MN02	“Nak cikgu”.
MN03	“Nak, Nak main dengan adik”.
MN04	“Nak...”.

### 3.0 PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan bertujuan membantu murid mengusasai kemahiran mengenal dan menulis huruf tahun satu di sekolah pedalaman melalui terapi doh. Fokus kajian untuk melihat keberkesanan terapi doh dalam meningkatkan kemahiran mengenal dan menulis huruf serta

melihat kepada minat murid terhadap intervensi yang telah digunakan. Kedua-dua aspek tersebut dilihat melalui pelaksanaan intervensi terapi doh oleh pengkaji itu sendiri.

Tulang utama kajian adalah berorientasikan kepada tiga persoalan kajian yang dibina. Persoalan kajian pertama menyentuh tentang keberkesanan terapi doh kepada peningkatkan penguasaan kemahiran mengenal huruf peserta kajian. Seterusnya, persoalan kedua berkaitan dengan keberkesanan terapi doh kepada penguasaan peserta kajian dalam menulis huruf dengan baik. Manakala persoalan ketiga melihat kepada minat dan tarikan peserta kajian terhadap intervensi yang telah dijalankan.

Dalam menjawab persoalan kajian dan perbincangan dapatan kajian, pengkaji turut merujuk kepada beberapa teori yang berkaitan dengan bermain yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh seperti Friedrich Wilhelm Froebel, Lev Semanovich Vygotsky, Jean Piaget dan Jerome Bruner. Teori-teori ini dapat dijadikan panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan khususnya pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain (doh). Teori-teori ini juga dilihat sesuai digunakan bagi membantu menjelaskan objektif kajian dan persolan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini.

Pada dasarnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan dilakukan mengikut kaedah kajian tindakan. Data kajian diperoleh menerusi pemerhatian, temu bual dan penganalisisan dokumen yang berkaitan. Senarai empat orang murid tahun 1 satu di sebuah sekolah pedalaman dipilih sebagai peserta kajian dan mereka terdiri daripada murid yang dikenal pasti belum mengusasi kemahiran mengenal dan menulis huruf dengan baik berdasarkan ujian saringan LINUS yang telah diadakan.

Hasil daripada penganalisisan data jelas memperlihatkan konsep belajar sambal bermain (doh) dalam konteks kajian ini sesuai diterapkan di peringkat sekolah rendah di pedalaman. Secara keseluruhannya, aspek kefahaman guru tentang terapi doh sangat jelas berdasarkan tafsiran yang diberi menerusi tema iaitu mempunyai unsur yang menyeronokkan, penerokaan, motivasi, pengalaman sebenar, memberi peluang dan kebebasan, perancangan teliti, kemahiran dan perkembangan kanak-kanak, fokus dan menarik, yakin dan selamat dan menggabungkan aspek pendidikan dengan bermain.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa kesemua peserta kajian yang ditemu bual dan diperhatikan seronok dan gembira dalam melaksanakan aktiviti bermain doh dalam membentuk perkataan dan mengenali serta menulisnya semula. Dapatan kajian dan hasil daripada perbincangan yang telah dibuat sudah tentu membawa kepada implikasi di dalam dunia Pendidikan khususnya murid-murid tahun satu di sekolah pedalaman.

Untuk cadangan seterusnya, sebaiknya masa intervensi atau rawatan perlu dipanjangkan untuk mendapatkan data yang lebih jitu dan sahih. Tindakan-tindakan intervensi boleh dilaksanakan lebih lama untuk membantu murid meningkatkan kemahiran mengenal huruf kepada suku kata dengan lebih baik.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar menambah lagi aktiviti yang lebih pelbagai dan menarik di dalam menggunakan doh. Selain itu juga, pengkaji boleh menjadikan penggunaan doh ini sebagai satu permainan dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat menarik minat dan tumpuan murid dalam mengajar kemahiran mengenal huruf kecil.

Diharapkan pada kajian yang seterusnya, penggunaan doh ini dapat diperluaskan melalui aplikasi di dalam tunjang-tunjang pembelajaran yang lain seperti tunjang Bahasa Inggeris, Tunjang Sains, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Ekstetika supaya menjadikan satu pengajaran

lebih menarik dan mempunyai pelbagai fungsi. Kajian ini juga boleh dilanjutkan supaya teknik pengajaran ini dapat diperkembangkan penggunaannya bukan sahaja kepada guru prasekolah tetapi juga ibu bapa murid-murid prasekolah yang juga boleh menggunakan semasa mengajar anak-anak mereka di rumah. Hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi modal insan minda kelas pertama akan terlaksana sekiranya kemenjadian murid dititikberatkan pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol. 1 (1): 1-12.
- Felicia M. (2009). *Biskut huruf meningkatkan bacaan*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Prasekolah. Kuala Lumpur: IPGKBM.
- Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi dan Siti Hajar Idrus (2011). *Literasi bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ismail Zakaria, Salmah Othman & Elly Chong. (1992). *Kemahiran membaca dalam asas kemahiran berbahasa KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jarboe, E.C. (2002). *Art therapy: A proposal for inclusion in school settings*. New Horizons for Learning.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Huraian sukanan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran peringkat sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad (2011). *Literasi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Khairul Nadiah Muhamod & Hasizan Dahalal (2013). *Meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf yang kecil murid bermasalah pembelajaran aras sederhana melalui penggunaan membentuk doh*. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Akta Pendidikan 1996: Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas)*. Warta Kerajaan.
- Mason, C.Y., Thormann, M. S., & Steedly, K. M. (2004). *How students with disabilities learn in and through the arts: An investigation of educator perceptions*. Diakses pada 20 November, 2018. <http://livingreseaRch.vsarts.org>.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah. (2003). *Panduan pendidikan prasekolah: Siri pendidikan prasekolah*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Noor Aini Ahmad. (2010). *Pengajaran kemahiran bahasa pada kanak-kanak bermasalah pembelajaran*. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aisyah Abdul Hamid. (2012). *Batik*. Diakses pada 18 Disember 2018. [http://btbaa.blogspot.com/2012\\_01.html?m=1](http://btbaa.blogspot.com/2012_01.html?m=1)
- Swartz, M.I. (2005). *Play dough: What's standard about it?*. Diakses pada 7 Februari 2019 dari [www.journal.naeyc.org/about/permissions.aspx](http://www.journal.naeyc.org/about/permissions.aspx)
- Syed Abu Bakar Syed Akil (1994). *Panduan kemahiran membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Whitehurst, G. J. & Lonigan, C. (2001). *Emergent literacy: Development from prereaders to readers*. Dlm. S. Neuman & D. Dickinson (Eds.). *Handbook of early literacy research*, 11-30. New York: Guilford.
- Yasmin Hussain (2013). *Terapi dalam pendidikan khas*. Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad (2002). *Kekeliruan Mengecam Huruf B-D-P-Q Di Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah*. Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas 1:46-49
- Bustum Kamri (2010). *Abjad diajar atau tidak diajar*. Diperoleh pada 15 Mac 2012 dari <http://bustumkamri.blogspot.com/2010/07/abjad-diajar-atau-tidak-diajar.html>

- Kamarudin Hj Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mascle, D. (2006). *Teach your child the alphabet*. Diperoleh pada 15 Februari 2012 dari [http://EzineArticles.com/?expert=Deanna\\_Mascle](http://EzineArticles.com/?expert=Deanna_Mascle)
- Nor Hashimah & Yahya Che Lah (2003). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Selangor : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Safiah Osman. (1990). *Membaca: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur :Berita Publishing Sdn. Bhd
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali (2011). Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2):1-15
- Swartz, M.I. (2005). *Playdough : What's standard about it?*. Diperoleh pada 14 Februari 2012 dari [www.journal.naeyc.org/about/permissions.asp](http://www.journal.naeyc.org/about/permissions.asp)